



**TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**BERSEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PEPERIKSAAN DISEMBER 2023**

**PADA
22 MAC 2024 (JUMAAT)
8.30 PAGI – 11.30 PAGI**

**BERTEMPAT DI
AUDITORIUM TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE,
IPGM KAMPUS BATU LINTANG**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia Madani.

Yang Berusaha Dr. Abang Ismail bin Abang Julhi
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang

Yang Dihormati Dr. Haji Zainal Abiddin bin Haji Masleh
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang

Yang Dihormati Dr. Murugan a/l Mini Ratamun
Ketua Jabatan Kecemerlangan Akademik
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang

Yang Dihormati Dr. Emyzul bin Ismail
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang

Ketua-ketua jabatan, ketua-ketua unit, para pensyarah dan semua
penerima anugerah yang diraikan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Taala saya panjatkan kerana pada pagi yang penuh berbahagia ini, kita semua dapat berkumpul di auditorium yang indah ini sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Bagi Peperiksaan Disember 2023 Peringkat IPGM Kampus Batu Lintang.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada barisan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025 yang telah bekerja keras bagi memastikan hasrat dan matlamat majlis kita pada hari ini berjalan lancar.

Dalam kesempatan ini juga, izinkan saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para siswa guru kerana telah berjaya menunjukkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Disember yang lepas.

Begitu juga, jutaan penghargaan saya sampaikan kepada pensyarah akademik dan seluruh warga Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang yang berusaha gigih tanpa mengenal jemu demi kejayaan anak bangsa. Kecemerlangan yang anda perolehi merupakan manifestasi atas usaha dan kegigihan tanpa mengenal erti putus asa.

Warga pendidik yang saya hormati sekalian,

Jatuh bangunnya sesebuah tamadun, sesebuah negara, sesuatu masyarakat mahupun seseorang insan berkait rapat dengan kebolehannya menguasai ilmu. Dan di hadapan saya adalah satu kelompok insan-insan istimewa yang telah dan akan mengabdikan diri bagi memastikan penguasaan ilmu dapat diperkembangkan lagi untuk kesejahteraan anak bangsa, masyarakat dan negara kita. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pengorbanan kalian semua.

Dalam kita mendepani abad ke-21 yang sangat mencabar; pada masa dunia hari ini berubah pada kadar yang sangat pantas, negara Malaysia mengkehendaki penafsiran semula kepada peranan dan kebolehan para pendidiknya.

Para pendidik yang dihormati,

Keseluruhan teknologi yang kita kecapai sekarang bermula lebih kurang di dalam era Revolusi Perindustrian Kedua ataupun IR 2.0 dan seterusnya dipermodenkan lagi di dalam era IR 3.0. Bagi membolehkan rakyat dan negara Malaysia berjaya di dalam era Revolusi Perindustrian ke-4 dan seterusnya, kebolehan dan peranan para pendidik perlu diperkukuhkan lagi.

Selain daripada kaedah dan teknik pendidikan terkini yang diperturunkan oleh pensyarah-pensyarah berkaliber di Institut

Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang ini, dan kampus-kampus Pendidikan Guru yang lain; negara memerlukan para pendidik yang mampu melihat dan menilai jauh ke hadapan, berkeupayaan membayangkan keperluan dunia pada masa hadapan dan menyediakan atau membentuk acuan-acuan pendidikan ilmu yang bersesuaian. Ini bagi membolehkan anak-anak didik kita berinteraksi dengan sempurna, bagi mereka meneruskan usaha kita membina tamadun bangsa dan negara yang cemerlang seterusnya membangunkan ekonomi dan melonjakkan pembangunan negara secara keseluruhannya.

Warga pendidik yang saya hormati sekalian,

Inilah masanya untuk membuktikan bahawa siswa guru mampu mencetus gagasan dan memangkin wawasan, bagi membina tamadun bangsa yang jati dirinya hebat, akhlaknya mulia, jiwanya kental dan mindanya bertaraf dunia bagi menterjemahkan pembinaan karakter karamah insaniah sesuai dengan konsep Malaysia Madani.

Sesungguhnya, siswa guru merupakan insan terpilih sebagai penerus pembinaan bangsa Malaysia yang cemerlang. Seharusnya, cabaran ini merupakan satu kepercayaan terhadap produk Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua siswa guru atas kejayaan yang dicapai pada

hari ini. Teruskan usaha menimba ilmu dan jadilah contoh yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi kerana siswa guru bukan sahaja penyambung legasi kecemerlangan dunia pendidikan negara, tetapi agen terpenting dalam usaha melonjakkan pembangunan negara Malaysia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Peringkat Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalaamualaikum wbt.

Terima kasih.